

**PERSEPSI PELAJAR TINGKATAN 2 SEKOLAH  
MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN UNIVERSITI 1  
TERHADAP PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QURAN**

**SALINA BINTI SA'DON**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

## UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦**

**JUDUL:** PERSEPSI PELAJAR TINGKATAN DUA SEK. MEN. KER. TAMAN  
UNIVERSITI TERHADAP PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QURAN

SESI PENGAJIAN: 2005/2006

Saya SALINA BINTI SA'DON  
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor-Falsafah)\* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. \*\*Sila tandakan (✓)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam (AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD



(TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh



(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap:  
NO 15, TAMAN JITRA,  
06000, JITRA,  
KEDAH DARUL AMAN.

USTAZ ABDUL HAFIZ BIN ABDULLAH  
Nama Penyelia

Tarikh: 30 MAC 2006

Tarikh: 28 MAC 2006


CATATAN:

- \* Potong yang tidak berkenaan.
- \*\* Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“ Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) ”

Tandatangan

:



Nama Penyelia

:

USTAZ ABDUL HAFIZ BIN ABDULLAH

Tarikh

:

28 MAC 2006

**PERSEPSI PELAJAR TINGKATAN 2 SEKOLAH MENENGAH  
KEBANGSAAN TAMAN UNIVERSITI 1 TERHADAP  
PEMBELAJARAN TILAWAH AL-QURAN**

**SALINA BINTI SA'DON**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada  
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan  
(Pengajian Islam)

**Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia**

**Mac, 2006**

“ Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya ”

Tandatangan : Salina  
Nama Penulis : SALINA BINTI SA'DON  
Tarikh : 30 Mac 2006

## *Dedikasi*

*Teristimewa buat abah dan mak,*

*Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kerana telah banyak memberi dorongan dan sokongan Sejak kaki ini mula menjejak ke alam persekolahan sehinggalah sekarang...*

*Sudi berkongsi susah senang walau apa jua terjadi...*

*Buat suami...Abdul Samad bin Ismail*

*Jutaan terima kasih kerana sentiasa memberikan semangat*

*Di'kau lah sumber inspirasi'ku..*

*Buat permata hati bonda...Ainul Syazwin binti Abdul Samad*

*Hadirmu membawa sinar bahagia dalam hidup mama...*

*Buat semua ahli keluarga,*

*Terima kasih di atas segala-galanya...*

*Buat rakan taulan,*

*Terutamanya ahli kumpulan, Rohana, Farhana Ziha dan Nur Amirah...jasa anda terlalu besar sepanjang penulisan dan ketika menjalani kehidupanku di UTM ini...*

*Dan kepada semua rakan dan orang perseorangan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung...*

*Terima kasih, semoga jasa anda diberkati Allah S.W.T...*

## PENGHARGAAN

Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia, taufiq dan hidayahNya, penulisan ini dapat disiapkan juga akhirnya.

Di kesempatan ini, penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menyiapkan kajian ini termasuk yang telah memberi dorongan kepada penulis serta memberi kekuatan dalam menyiapkan Projek Sarjana Muda ini dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga khas kepada **Ustaz Abdul Hafiz bin Abdullah** selaku penyelia bagi projek ini di atas segala susah payah menunjuk ajar, menasihati, menyemak, menyumbang idea serta bimbingan yang diberi sepanjang tempoh projek ini dijalankan sehingga berjaya disiapkan juga.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor dan Pengetua, Guru dan pelajar SMK Taman Universiti 1 yang terlibat dalam kajian ini.

Dengan kerjasama semua, maka projek ini dapat berjalan dengan lancar dan dapat disiapkan dengan sempurna. Semoga Allah S.W.T membalas segala jasa baik kalian...

## ABSTRAK

Mata pelajaran tilawah al-Quran merupakan satu mata pelajaran yang termaktub dalam Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam yang wajib dipelajari oleh semua pelajar Muslim. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui pandangan dan persepsi pelajar terhadap mata pelajaran tilawah al-Quran, faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi pelajar dan masalah pelajar dalam pembelajaran tilawah al-Quran. Responden kajian ini tertumpu kepada 70 orang pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 1 yang telah dipilih secara rawak kelompok. Instrumen yang digunakan adalah berbentuk soal selidik yang menggunakan skala Likert 5 laras. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* versi 11.5 (*SPSS*). Secara umumnya, keputusan analisis mendapati 78.4 peratus responden mempunyai persepsi yang positif terhadap pembelajaran tilawah al-Quran. Selain itu, mata pelajaran tilawah al-Quran yang diajar di sekolah menarik minat responden untuk membaca al-Quran. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat sebilangan kecil daripada responden yang tidak mendapat dorongan untuk membaca al-Quran daripada ibu bapa mereka. Beberapa cadangan penyelesaian turut dikemukakan kepada pihak-pihak tertentu untuk diambil tindakan agar ianya dapat membantu pelajar mempertingkatkan penguasaan tilawah al-Quran.

## ABSTRACT

'Tilawah al-Quran' is one of the subjects listed in the content of the 'Pendidikan Islam' curriculum which is compulsory to all Muslim students. With that, this research is carried out to look at the views and perceptions of students towards the 'Tilawah al-Quran' subject, the factors which influence the students' perceptions and also the problems faced by students in the learning of the subject. The respondents for this research were chosen randomly by groups. The instrument used was a set of questionnaire using the 5-point Likert scale. The data obtained were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS software version 11.5). Generally, from the analysis done, it was clearly shown that 78.4 percent of the respondents had positive perceptions towards the teaching of the 'Tilawah al-Quran' subject. The teaching of the subject in schools had also seemed to motivate the students to read the 'al-Quran'. The findings also revealed that there were a small number of students who claimed that they were not getting any encouragement from their parents in reading the 'al-Quran'. Several suggestions on solving the arisen matters were given to certain individuals and organizations for them to take action in helping students to increase their comprehension and mastery of the 'Tilawah al-Quran' subject.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
	<b>PENGESAHAN STATUS TESIS</b>	
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	i
	<b>HALAMAN PENGAKUAN</b>	ii
	<b>HALAMAN DEDIKASI</b>	iii
	<b>HALAMAN PENGHARGAAN</b>	iv
	<b>ABSTRAK</b>	v
	<b>ABSTRACT</b>	vi
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	vii
	<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii
<b>BAB I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Persoalan Kajian	4
	1.5 Kepentingan Kajian	5
	1.6 Batasan Kajian	5
	1.7 Definisi Istilah	6

1.7.1	Persepsi	6
1.7.2	Murid	6
1.7.3	Pembelajaran	7
1.7.4	Tilawah	7
1.7.5	Al-Quran	7
1.8	Kesimpulan	8
<b>BAB II</b>	<b>SOROTAN PENULISAN</b>	<b>9</b>
2.0	Pendahuluan	9
2.1	Kepentingan Mempelajari Al-Quran	10
2.2	Kelebihan belajar dan mengajar al-Quran	11
2.3	Pembacaan Al-Quran yang Berkesan	12
2.3.1	Tartil	12
2.3.2	Tajwid	14
2.3.3	Menghafaz al-Quran	15
2.3.4	Membaca Setiap Hari	16
2.3.5	Pembacaan Secara Berlagu	16
2.4	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Persepsi Murid dalam Pembelajaran Pembacaan Al-Quran	18
2.4	Kajian Terdahulu	21
2.5	Kesimpulan	23
<b>BAB III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>24</b>
3.0	Pendahuluan	24
3.1	Rekabentuk Kajian	25

3.2	Tempat dan Sampel Kajian	25
3.3	Instrumen Kajian	26
3.4	Tatacara Kajian	27
3.5	Kajian Rintis	28
3.6	Analisis Data	28
3.7	Jangkamasa Kajian	30
3.8	Kesimpulan	30
<b>BAB IV</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>32</b>
4.0	Pengenalan	32
4.1	Bahagian A	32
4.1.1	Jantina	33
4.1.2	Tempat Belajar Al-Quran	33
4.1.3	Latar Belakang Pengajian Agama	34
4.1.4	Usia Mula Mempelajari Al-Quran	34
4.1.5	Kebolehan Membaca Al-Quran	35
4.1.6	Hukum Tajwid Yang Diketahui	35
4.2	Bahagian B	36
4.2.1	Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Tilawah Al-Quran	37
4.2.2	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Persepsi Pelajar	43
4.2.2.1	Minat	43
4.2.2.2	Dorongan Ibu Bapa	46
4.2.2.3	Dorongan Guru	49
4.2.3	Masalah Pelajar Dalam Pembacaan Al-Quran	53

<b>BAB V</b>	<b>PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>60</b>
5.0	Pengenalan	60
5.1	Ringkasan Kajian	60
5.2	Perbincangan Hasil Dapatan	61
5.2.1	Latar Belakang Responden	61
5.2.2	Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Tilawah Al-Quran	63
5.2.3	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Persepsi Pelajar	65
5.2.3.1	Minat	65
5.2.3.2	Dorongan Ibu Bapa	66
5.2.3.3	Dorongan Guru	67
5.2.4	Masalah Yang Dihadapi Pelajar Dalam Tilawah Al-Quran	67
5.2.4.1	Sikap Pelajar	67
5.2.4.2	Guru	68
5.2.4.3	Masa	68
5.2.4.4	Sikap Ibu Bapa	69
5.3	Rumusan Kajian	70
5.4	Cadangan	71
5.4.1	Pengajian Al-Quran Peringkat Pra Sekolah	71
5.4.1.1	Peringkat Pengenalan	72
5.4.1.2	Peringkat Membaca Dan Memahami	73
5.4.2	Pengajian Al-Quran Peringkat Sekolah Rendah Dan Menengah	74
5.4.3	Peranan Guru Dalam Usaha Mengatasi Masalah Kelemahan Membaca Al-Quran	74
5.4.4	Penubuhan Kelab Al-Quran	75
5.4.5	Kesedaran Dan Motivasi	75
5.4.6	Penyeliaan Ibu Bapa	76
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	77
5.6	Penutup	77

**BIBLIOGRAFI**

**78**

**LAMPIRAN**

**80**

## SENARAI JADUAL

<b>JADUAL</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
3.1	Pembahagian Skop Soal Selidik	27
3.2	Pemeringkatan Skala Likert	27
3.3	Skala Bagi Min untuk Tahap Persetujuan	29
4.1	Taburan responden mengikut jantina	33
4.2	Taburan responden mengikut tempat mempelajari al-Quran	33
4.3	Taburan responden mengikut latar belakang pengajian agama	34
4.4	Taburan responden mengikut usia mula mempelajari al-Quran	34
4.5	Taburan responden mengikut kebolehan membaca al-Quran	35
4.6	Taburan responden terhadap pengetahuan hukum tajwid	36
4.7	Taburan skor bagi item tilawah al-Quran adalah mata pelajaran yang menarik	37
4.8	Taburan skor bagi item tilawah al-Quran adalah penting dalam Pendidikan Agama Islam	37
4.9	Taburan skor bagi item tilawah al-Quran adalah penting untuk lulus di dalam peperiksaan	38
4.10	Taburan skor bagi item belajar al-Quran bukan sekadar untuk memenuhi kurikulum	38
4.11	Taburan skor bagi item belajar al-Quran sekaligus belajar Bahasa Arab	38
4.12	Taburan skor bagi item belajar Bahasa Arab sedikit dengan membaca al-Quran	39

4.13	Taburan skor bagi item lagu lebih diutamakan ketika membaca al-Quran	39
4.14	Taburan skor bagi item hukum tajwid lebih diutamakan ketika membaca al-Quran	40
4.15	Taburan skor bagi item makna dan maksud lebih diutamakan ketika membaca al-Quran	40
4.16	Taburan skor bagi item membaca al-Quran secara bergilir-gilir dapat membaiki bacaan	40
4.17	Taburan skor bagi item rasa tenang ketika membaca al-Quran	41
4.18	Taburan skor bagi item rasa bersalah apabila tidak dapat membaca al-Quran dengan betul	41
4.19	Taburan skor bagi item tidak susah membaca al-Quran	42
4.20	Purata min bagi item persepsi pelajar terhadap pembelajaran tilawah al-Quran	42
4.21	Taburan skor bagi item minat mempelajari mata pelajaran Tilawah al-Quran	43
4.22	Taburan skor bagi item belajar al-Quran dengan kehendak sendiri	44
4.23	Taburan skor bagi item selalu mendengar bacaan al-Quran melalui kaset atau cakera padat	44
4.24	Taburan skor bagi item mengambil inisiatif sendiri untuk belajar al-Quran di luar waktu persekolahan	44
4.25	Taburan skor bagi item minat membaca al-Quran sejak kecil lagi	45
4.26	Taburan skor bagi item suka mendengar bacaan al-Quran ibu bapa	45
4.27	Purata min bagi item minat	46
4.28	Taburan skor bagi item ibu bapa amat mengambil berat tentang bacaan al-Quran	46
4.29	Taburan skor bagi item ibu bapa berjanji memberi hadiah sekiranya berjaya membaca satu surah	47
4.30	Taburan skor bagi item ibu bapa berjanji akan mengadakan majlis khatam al-Quran	47

4.31	Taburan skor bagi item ibu bapa selalu menyemak bacaan al-Quran	48
4.32	Taburan skor bagi item ibu bapa meluangkan masa mereka untuk mendengar bacaan	48
4.33	Purata min bagi dorongan ibu bapa	48
4.34	Taburan skor bagi item guru memberi pujian apabila dapat membaca al-Quran dengan lancar	49
4.35	Taburan skor bagi item guru memberi galakan untuk membaca al-Quran	49
4.36	Taburan skor bagi item guru mengajar mata pelajaran tilawah al-Quran dengan menarik	50
4.37	Taburan skor bagi item guru dapat membaca ayat-ayat al-Quran dengan baik dan lancar	50
4.38	Taburan skor bagi item guru yang mengajar mendapat latihan khas dalam kaedah mengajar	51
4.39	Taburan skor bagi item guru yang mengajar adalah1 seorang guru yang pakar al-Quran	51
4.40	Taburan skor bagi item selalu membaca al-Quran secara <i>musyafahah</i> dengan guru	51
4.41	Taburan skor bagi item gaya dan penyampaian guru mengajar tilawah menarik minat	52
4.4.2	Purata min bagi dorongan guru	52
4.43	Taburan skor bagi item tidak sempat membaca al-Quran pada setiap hari	53
4.44	Taburan skor bagi item tidak berlatih membaca walaupun tahu kurang lancar membaca	54
4.45	Taburan skor bagi item tidak mempunyai masa untuk belajar membaca al-Quran di luar waktu sekolah	54
4.46	Taburan skor bagi item mempelajari al-Quran adalah kerana terpaksa dan mengikut adat-adat anak Melayu	55
4.47	Taburan skor bagi item tidak memahami makna ayat-ayat al-Quran yang telah dibaca	55
4.48	Taburan skor bagi item tidak dapat menghayati maksud ayat al-Quran	56

4.49	Taburan skor bagi item belum dapat menghayati keindahan al-Quran dari segi makna dan bahasa	56
4.50	Taburan skor bagi item guru kurang mempunyai kemahiran untuk mengajar tilawah al-Quran	57
4.51	Taburan skor bagi item guru kurang berkebolehan membaca al-Quran dengan baik	57
4.52	Taburan skor bagi item masa belajar tilawah al-Quran amat terhad di sekolah	57
4.53	Taburan skor bagi item ibu bapa tidak beri perhatian kepada pengajian al-Quran	58
4.54	Taburan skor bagi item ibu bapa tidak risau jika lemah membaca al-Quran tetapi lebih risau jika lemah dalam mata pelajaran lain	58

**SENARAI SINGKATAN**

KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Packages For Social Sciences
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
PMR	Penilaian Menengah Rendah
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
A	Instrumen Soal selidik	80
B	Surat Pengesahan Fakulti	87
C	Surat Kementerian Pelajaran Malaysia	88

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.0 Pengenalan**

Al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad s.a.w untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia di dunia ini. Ia merupakan kitab terakhir yang diturunkan dan sekaligus memansuhkan kitab-kitab suci yang terdahulu daripadanya. Tujuan utama penurunannya adalah bukan hanya untuk dibaca tetapi sebagai panduan hidup yang lengkap bagi seluruh umat manusia dalam semua aspek kehidupan.

Al-Quran yang dimulai dengan surah al-Fatihah dan diakhiri dengan surah al-Nas adalah sumber pendidikan kepada semua umat Islam. Umat Islam yang mengamalkan cara hidup berpandukan al-Quran mempunyai ketinggian akhlak, kepatuhan, ketaatan dan kefahaman iman yang sempurna di sisi Allah S.W.T.

Kepentingan pengajian al-Quran bagi setiap muslim memang tidak dapat dinafikan kerana ia merupakan sumber utama untuk mendapat keberkatan dan pembelajaran tentang hukum-hukum Allah S.W.T. Hukum-hukum yang berkaitan dengan aqidah, syariat serta akhlak adalah sebagai panduan bagi setiap muslim di dalam kehidupan seharian sehinggalah ke akhir zaman. Kesempurnaan ibadat

seseorang muslim itu juga bergantung kepada al-Quran. (Abd. Halim El-Muhammady,1991:74)

Pengajaran al-Quran merupakan salah satu dasar pembelajaran bagi seluruh kurikulum sekolah di semua negara Islam. Ini adalah kerana al-Quran merupakan salah satu syiar agama yang menguatkan lagi aqidah dan meresapkan keimanan ke dalam jiwa setiap insan yang mempelajari dan memahaminya. (Ahmad Mohd. Salleh,1997:15)

Sungguhpun al-Quran itu termasuk dalam senarai perkara rukun iman yang mesti dipelajari, tetapi sejak akhir-akhir ini perhatian kepada pengajaran al-Quran sering diabaikan. Malah, penglibatan orang-orang Islam terhadap pengajian al-Quran semakin merosot. Rentetan daripada itu, timbullah pelbagai keluhan dan rungutan daripada masyarakat Islam akibat dari peningkatan anak-anak muda yang tidak mampu membaca al-Quran dan juga tidak memahaminya sama sekali. (Abd. Halim El-Muhammady,1991:74)

Pengajaran dan pembelajaran al-Quran di sekolah bermatlamat melahirkan murid yang bukan sahaja mahir membacanya, tetapi memahami dan menghayati ajarannya. Namun begitu, dorongan untuk membaca al-Quran berkait rapat dengan kesedaran yang mendalam tentang keunggulan dan kepentingannya. Oleh itu, kesedaran yang mendalam terhadap al-Quran perlu seiring dengan usaha yang bersungguh-sungguh agar penghayatannya benar-benar berkesan di dalam hati setiap orang yang mempelajarinya.

## **1.1 Latar Belakang Masalah**

Istilah 'buta al-Quran' dan 'celik al-Quran' merupakan istilah yang sering diperkatakan sekarang ini, terutamanya di kalangan para pendidik yang berkhidmat di sekolah. Menurut Ajmain Safar (1996:5), sejak dahulu lagi perkembangan, pengamalan dan penghayatan Islam di kalangan remaja dan belia lebih-lebih lagi di negeri Johor amat diutamakan. Apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri dengan mengadakan sekolah-sekolah agama kerajaan negeri sama ada di sesi pagi atau petang, semata-mata ingin memastikan generasi muda di negeri Johor berpendidikan agama serta berkemampuan membaca al-Quran. Namun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa bukan semua generasi muda sama ada di kalangan murid sekolah mahupun belia yang telah menamatkan pengajian masing-masing memiliki penguasaan bacaan al-Quran.

Hal ini mendorong penyelidik untuk menjalankan kajian untuk melihat persepsi murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran di sekolah mereka.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Masalah buta al-Quran harus dilihat sebagai satu masalah bersama oleh semua pihak sama ada guru, ibu bapa, masyarakat, Kementerian Pendidikan Malaysia dan pelajar itu sendiri. Pelbagai usaha telah dibuat oleh berbagai-bagai pihak untuk membantu mengatasi masalah penguasaan tilawah al-Quran di kalangan pelajar, namun persoalan mengenainya masih diperkatakan oleh pelbagai pihak. Kesedaran dan sikap semua pihak amat perlu bagi melahirkan generasi yang celik al-Quran pada masa akan datang agar semangat cintakan al-Quran dapat dipupuk di dalam jiwa seseorang sejak dari kecil lagi.

Pada masa kini, bilangan murid yang tidak boleh membaca al-Quran semakin meningkat dan menjadi satu masalah yang serius di negara kita. Melalui tinjauan awal yang dilakukan oleh penyelidik di sekolah berkenaan, bolehlah dibuat penilaian bahawa tahap penguasaan bacaan al-Quran sebahagian daripada murid adalah tidak begitu memuaskan dari segi kefasihan dan kelancaran bacaan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meninjau persepsi murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran. Antara objektif kajian ini dijalankan ialah:

- i) Mengetahui persepsi murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran.
- ii) Menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran.
- iii) Mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi murid dalam menguasai bacaan al-Quran.

### **1.4 Persoalan Kajian**

Kajian ini adalah untuk meninjau persepsi terhadap pembelajaran tilawah al-Quran dan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi murid dan masalah penguasaan tilawah al-Quran di kalangan murid tingkatan 2 SMK Taman Universiti 1, Johor. Beberapa persoalan kajian yang akan ditimbulkan ialah:

- i) Apakah persepsi murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran.

- ii) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi murid terhadap pembelajaran tilawah al-Quran.
- iii) Apakah masalah-masalah yang dihadapi murid dalam menguasai bacaan al-Quran.

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini perlu dijalankan memandangkan tahap penguasaan bacaan al-Quran di kalangan murid semakin menurun. Kajian ini bertujuan mencari punca sebenar permasalahan ini berlaku dan apakah cara terbaik untuk mengelakkannya daripada terus berpanjangan. Kajian ini juga dijalankan untuk memberi gambaran sebenar kepada para murid, ibu bapa serta guru-guru mengenai persepsi, sikap dan minat murid terhadap mata pelajaran tilawah al-Quran.

Dapatan kajian juga diharapkan dapat memberi garis panduan kepada beberapa pihak seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Agama Islam Johor, PIBG sekolah dan orang-orang perseorangan bagi merancang langkah-langkah perlu untuk membantu mempertingkatkan kemampuan pembacaan dan penghayatan al-Quran di kalangan generasi Muslim.

### **1.6 Batasan Kajian**

Kajian ini menumpukan kepada persepsi murid mengenai pembelajaran tilawah al-Quran. Kajian ini dilakukan di SMK Taman Universiti 1, Johor yang terletak berdekatan dengan kampus induk UTM Skudai, Johor. Responden yang